

BS77:
MAHATHIR-MB

1982

KUALA LUMPUR, 28 MEI (BERNAMA) -- KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA DAN KESANNYA TERHADAP RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN TELAH DIBERI PERHATIAN SERIOUS OLEH PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD DALAM MESYUARATNYA DENGAN PARA MENTERI BESAR DAN KETUA-MENTERI DI SINI HARI INI.

MESYUARAT YANG PERTAMAKALI DIADAKAN SEJAK PILIHANRAYA UMUM BARU LALU BERLANGSUNG DI JABATAN PERDANA MENTERI (JPM).

SATU KENYATAAN JPM KEPADA BERNAMA HARI INI MENJELASKAN BAHAWA MESYUARAT TERSEBUT MEMBINCANGKAN ANTARA LAIN BIDANG-BIDANG KERJASAMA DAN HUBUNGAN ANTARA KERAJAAN PUSAT DENGAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI.

PERDANA MENTERI JUGA MEMBINCANGKAN DENGAN PARA MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI TENTANG CARA-CARA UNTUK MENINGKATKAN KERJASAMA TERSEBUT.

SEMUA MENTERI BESAR DAN KETUA MENTERI HADIR DI MESYUARAT ITU KECUALI SABAH DI WAKILI OLEH TKMBALAN KETUA MENTERU DATUK JAMES ONGKILI DAN KEDAH OLEH PEMANGKU MENTERI BESARNYA DATUK OTHMAN AROFF.
-- BERSAMBUNG 1626/AZ

BS78:
MAHATHIR-MB 2 KUALA LUMPUR

TURUT HADIR DALAM MESYUARAT TERSEBUT IALAH BEBERAPA ORANG MENTERI KABINET PERSEKUTUAN.

MEREKA YANG PERTAMAKALI MENGHADIRI MESYUARAT ITU IALAH MENTERI BESAR JOHOR DATUK MOHAMAD AJIB AHMAD, MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN

ENCIK ISA BIN DATUK ABDUL SAMAD DAN KETUA MENTERI MELAKA ENCIK ABDUL RAHIM THAMBY CHIK, MB SELANGOR DATUK HAJI AHMAD RAZALI ALI DAN MENTERI BESAR PAHANG DATUK MOHD. NAJIB BIN TUN RAZAK.

-- BERNAMA 1628/AZ